



(Media Vatikan)

## Keluarga, tempat istimewa untuk bertemu dengan Yesus

**TAKHTA SUCI:** Pada pagi Jun 8, Dataran Sto Petrus dibanjiri dengan keluarga untuk Misa penutup Jubli Keluarga, Kanak-kanak, Nenek, Datuk serta Orang Tua. Sri Paus Leo XIV memimpin perayaan Ekaristi dan dalam homilinya, beliau merenungkan tentang keluarga sebagai sumber persekutuan dan iman.

**Keluarga, pertama-tama adalah satu anugerah**

Petikan Injil untuk hari Minggu Jun 8, menyatakan tentang doa Yesus selepas Perjamuan Terakhir agar semua “menjadi satu”.

Sri Paus Leo menjelaskan doa itu sebagai “kebaikan terbesar yang dapat kita inginkan.” Kesatuan yang Yesus doakan ini adalah datang daripada cinta yang sama, cinta ketika Tuhan menciptakan kehidupan dan membawa keselamatan ke dunia. Inilah hadiah pertama yang diberikan Yesus kepada kita.”

“Kasih Tuhan, adalah kasih yang tidak terbatas dan tidak mengenal akhir. Kasih Tuhan

kepada setiap seorang daripada kita adalah sama dengan kasih-Nya kepada Anak-Nya, Yesus.

**Kita saling memerlukan**

Sri Paus Leo mengingat kembali kata-kata pendahulunya, mendingi Sri Paus Fransiskus yang mengatakan, kita semua adalah anak-anak, “tetapi tidak ada seorang pun daripada kita dapat memilih untuk mahu dilahirkan atau tidak.”

Tambahan pula, dari saat kelahiran kita bergantung pada orang lain untuk terus hidup. “Kita hidup pada hari ini kerana berkat hubungan bebas. Kita hidup kerana hubungan sihat kebaikan manusia dan penjagaan bersama.”

Namun, kebaikan ini kadang-kadang dikhianati. Walaupun ada kejahatan yang menentang kehidupan, Yesus tidak berhenti berdoa untuk kita dan doanya “memberikan makna sepenuhnya kepada pengalaman cinta kita satu sama lain sebagai ibu bapa, datuk, nenek, anak lelaki dan anak perempuan.”

Sri Paus Leo menekankan bahawa inilah mesej yang perlu kita kongsi dengan dunia. Kita di sini untuk menjadi “satu dalam keluarga dan di tempat-tempat di mana kita tinggal, bekerja dan belajar.”

Prelatus itu menjelaskan bahawa menjadi

satu tidak bermakna menjadi sama. Walaupun kita semua berbeza, kita dipanggil untuk bersatu, sentiasa dalam setiap situasi serta peringkat kehidupan.

**Keluarga: Tempat lahir masa depan kemanusiaan**

Dalam dunia yang penuh dengan konflik dan perselisihan, Sri Paus menggalakkan semua orang untuk menguatkan akar cinta mereka dalam Kristus kerana jika kita melakukan ini, “kita akan menjadi tanda keamanan bagi semua orang, dalam masyarakat dan dunia. Ini, bermula di rumah kerana keluarga adalah “tempat lahir masa depan kemanusiaan.”

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat semakin banyak contoh keluarga kudus.

Terdapat beberapa pasangan suami isteri yang telah dibeatifikasi dan dikanonisasi, bukan secara berasingan tetapi bersama-sama.

Bapa Suci memberikan contoh ibu bapa Sta *Therese of the Child Jesus*, Louis dan Zélie Martin, serta keluarga Ulma dari Poland.

Beliau menjelaskan bahawa panggilan Gereja untuk menghormati perjanjian perkahwinan kerana ia mempunyai “kuasa menyatukan dan mendamaikan” yang boleh mengubah dunia.

Bapa Suci Leo mengulangi bahawa “perkahwinan bukanlah satu ideal tetapi ukuran cinta sejati antara seorang lelaki dan seorang wanita: cinta yang total, setia dan berbuah.” Dan hubungan ini, harus menjadi contoh integriti bagi kanak-kanak tentang bagaimana untuk bertindak.

Dalam homilinya, Sri Paus Leo juga menekankan bahawa “iman disampaikan bersama dengan kehidupan, dari generasi ke generasi.”

Berpaling kepada kanak-kanak yang hadir, Sri Paus mengingatkan mereka tentang tanggungjawab mereka untuk menghormati ibu bapa dan mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa mereka setiap hari atas anugerah kehidupan.

Sri Paus Leo juga memberikan tugas kepada datuk, nenek dan orang tua agar menjaga orang yang mereka sayangi “dengan kebijaksanaan dan belas kasihan, serta dengan kerendahan hati dan kesabaran seiring usia.”

Leo XIV mengakhiri homilinya dengan menekankan bahawa keluarga adalah tempat di mana iman diwarisi dari generasi ke generasi — “ia dikongsi seperti makanan di meja keluarga dan seperti kasih sayang di dalam hati kita. Oleh sebab itu, keluarga adalah tempat istimewa untuk bertemu dengan Yesus.” **Media Vatikan**

# Lebih baik jika Aku pergi ...

Adalah lebih baik bagi kamu jika aku pergi! Ini adalah beberapa kata-kata perpisahan Yesus pada malam sebelum dia mati.

Bagaimana adalah lebih baik bagi kita apabila seseorang yang kita cintai, pergi begitu sahaja?

Ini sungguh tidak masuk akal melainkan jika hubungan itu tidak seakrab mana atau menyakitkan. Tetapi bagaimana pemergian itu baik-baik sahaja apabila kita benar-benar mencintai seseorang dengan mendalam dan akan merindunya setengah mati?

Kenaikan (*Ascension*) Yesus memberikan asas jawapan. Dia memberitahu para murid-Nya bahawa adalah lebih baik bagi mereka jika Dia pergi kerana, jika tidak, mereka tidak akan dapat menerima roh-Nya. Mengapa?

Mengapa Dia mesti pergi? Adakah supaya selepas Dia pergi, murid-murid-Nya akan lebih mencintai dan menerima semangat-Nya?

Ini sebenarnya adalah berkenaan misteri kehadiran dan ketiadaan.

Kita membawa sesuatu kepada orang lain dengan kehadiran kita, tetapi kita juga meninggalkan sesuatu dalam ketiadaan kita.

Secara ringkas, apa yang kita tinggalkan adalah ruang baharu di mana mereka dapat menerima diri kita dengan lebih tulus. Ini mungkin kedengaran sangat abstrak, tetapi kita mengalami ini dalam cara-cara biasa dalam hidup kita.

Berikut adalah contoh: Bayangkan seorang gadis muda, yang sangat dikasihi oleh ibu bapanya, baharu sahaja menamatkan pengajian di sekolah menengah dan meninggalkan rumah untuk melanjutkan pelajaran ke kolej, atau menjalani latihan untuk memasuki dunia pekerjaan atau mula bekerja dalam satu pekerjaan.

Anak perempuan itu dan ibu bapanya dapat merasakan bahawa zaman kanak-kanaknya telah berakhir. Sama ada ibu bapa atau gadis itu, pasti ada rasa sedih dan gembira. Gadis itu mungkin tidak dapat mengungkapkan nyai kata-kata yang terbaik

tetapi dia boleh berkata kepada ibu bapanya seperti ucapan perpisahan Yesus kepada orang-orang kesayangannya: *Adalah lebih baik bagi kamu jika aku pergi; jika tidak, kamu tidak dapat menerima roh-Ku.*

Mungkin, bagi gadis muda itu, kata-kata itu akan kedengaran seperti ini: *Adalah lebih baik untuk kamu (dan untuk aku) jika aku pergi; jika tidak, aku akan sentiasa menjadi gadis kecilmu dan tidak akan menjadi dewasa dan matang. Aku perlu pergi supaya sepanjang ketiadaan itu, aku dapat mencipta ruang untuk aku kembali kepada kamu sebagai seorang dewasa.*

Begitulah misteri kehadiran dan ketiadaan. Begitu juga adalah misteri kenaikan Yesus, bagaimana semangat baharu dapat dikenali dan diterima hanya setelah terdapat ketiadaan dan perpisahan.

Ini digambarkan dengan kuat dalam babak daripada Injil Yohanes apabila Maria Magdalena bertemu dengan Yesus yang telah bangkit pada hari Paskah.

Pada mulanya, Maria Magdalena tidak mengenali-Nya; tetapi, setelah dia mengenali-Nya, reaksi Maria ialah untuk memeluk-Nya dalam pelukan yang biasa. Namun, Yesus menghentikannya dengan kata-kata, "Janganlah engkau memegang aku, sebab aku belum lagi pergi kepada Bapa."

Mengapa? Mengapa Yesus nampaknya enggan menerima pelukan mesra daripada seorang sahabat lama?

Penolakan itu kerana disebabkan kes *familiarity*. Maria ingin menyambut kembali Yesus lama, tetapi ini bukan Yesus yang lama. Ini adalah Kristus yang telah bangkit, yang kini mempunyai sesuatu yang baharu untuk diberikan kepadanya.

Apa yang Yesus dengan lembut memberitahunya apabila dia meminta agar dia tidak "berpegang" adalah bahawa jika dia terus berpegang kepada dirinya yang lama, dengan pemikiran cara lama, Maria Magdalena tidak akan dapat menerima kehadiran baharu-Nya.

Usaha Maria Magdalena untuk memeluk Yesus yang bangkit adalah serupa dengan



ibu bapa yang penyayang yang setelah merindui anak perempuan mereka yang kini dewasa, telah pergi dari rumah, menyambutnya pulang dengan pelukan dan kata-kata: *Anak perempuan kecil kami sudah pulang!*

Mendengar kata-kata ini, anak perempuan itu, sama ada dia menyuarakannya atau tidak, berkata dengan lembut: *Jika anda masih memelukku sebagai anak kecil, kamu tidak akan melihat pembaharuan dan kedewasaan yang kini saya miliki.*

Perubahan ini, meskipun boleh membawa kesakitan atau kepiluan terhadap seseorang yang kita cintai, namun 'ketiadaan' kita boleh mengubah orang-orang kesayangan kita untuk mengenang, menjaga dan mendoakan malah menjadikan mereka dewasa. Inilah intipati misteri kenaikan, kenaikan Yesus dan 'kenaikan' kita sendiri.

Namun, memang sukar untuk kita berpisah. Ketika kita melihat orang-orang di sekitar kita berubah, berkembang, berpindah dan menjadi seseorang yang berbeza daripada apa yang selalu kita kenal dan cintai tentang mereka, seperti

Maria Magdalena, perasaan kita bercampur aduk, kita mungkin menangis dalam kegembiraan dan penyesalan: Gembira kerana melihat anak perempuan kita yang kecil kini menjadi wanita dewasa yang bersemangat; Berasa kesal kerana kita telah kehilangan dia setelah kita pernah memilikinya sebagai anak perempuan kecil kita yang cantik.

*Adalah lebih baik bagi kamu jika aku pergi.* Yesus mengucapkan kata-kata itu pada malam sebelum Dia wafat.

Saya berada di sisi katil kedua-dua ayah dan ibu saya ketika mereka di ambang kematian. Keluarga kami amat akrab dengan ibu bapa kami. Tiada ada pujukan yang dapat menghiburkan kami bahawa adalah lebih baik jika mereka pergi.

Sudah lima puluh tahun sejak mereka meninggal dunia dan walaupun perpisahan itu menyakitkan, sekarang kami sedar bahawa ibu bapa kami sebenarnya telah memberikan kami sesuatu yang tidak dapat kami terima semasa mereka masih hidup. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Hidup dalam kesatuan Tritunggal

Pada Hari Minggu sesudah Hari Raya Pentakosta, kita merayakan Hari Raya Tritunggal Mahakudus.

Berkat pertolongan Roh Kudus, kita dibantu untuk memahami kata-kata/ajaran Kristus dengan utuh agar hubungan kita dengan Tuhan semakin erat serta dapat mengenal dan berbicara serta menikmati persatuan dengan Bapa, Putera dan Roh Kudus dengan lebih mendalam.

Dalam Injil Yohanes, Yesus berkata kepada murid-murid-Nya: "Masih banyak hal yang harus Ku katakan kepadamu, tetapi sekarang kamu belum dapat menanggungnya" (ay.12).

Ternyata sesudah terbukti, bahawa Yesus mengalahkan maut, mereka itu akhirnya menerima kepastian tentang kata-kata Yesus, yang berkali-kali disampaikan kepada mereka ketika Dia masih hidup.

Tiga kali dalam Injil hari ini Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, bahwa Roh-Nya iaitu "Roh kebenaran akan memberitakannya kepadamu hal-hal yang akan datang" (ay.13).

Selanjutnya Roh itu juga "akan memberitakannya kepadamu apa yang diterima-Nya dari pada-Ku" (ay.14).

Akhirnya ditegaskan lagi: "Segala sesuatu yang Bapa punya adalah Aku punya; sebab itu Aku berkata: Ia akan memberitakannya kepadamu apa yang diterima-Nya dari pada-Ku" (ay.15).

Hal ini ditegaskan oleh Yesus sehingga tiga kali bahawa peranan Roh ialah memberitakan lagi atau meneruskan dan menerangkan lebih mendalam apa yang sudah diwartakan dan dilakukan oleh Yesus, yang telah diutus oleh Tuhan Bapa-Nya.

Demikianlah, makna Tritunggal bagi kita seperti diungkapkan dalam Injil Yohanes ialah Tuhan adalah kasih.

Sebagai Bapa, Tuhan mengungkapkan kasih-Nya itu melalui dan dalam diri Putera-Nya Yesus Kristus dan segenap perutusan kasih Bapa dan Putera-Nya itu diteruskan dan dilaksanakan pemberitaannya oleh Roh Kudus.

Apa yang sudah dilakukan oleh Yesus diteruskan oleh Roh Kudus. Roh inilah yang akan menerangkan dan memperdalam makna penyelamatan oleh Kristus itu

kepada segala umat manusia.

Roh Kudus, salah satu peribadi dalam Tritunggal tidak memberikan hal-hal baru, melainkan memberi keterangan tentang pelaksanaan atau pemenuhan

segalanya yang telah diberitakan oleh Yesus Kristus, atas nama

Bapa, yang mengutus-Nya secara utuh dan benar!

Dalam pengertian tentang Tritunggal seperti diterangkan oleh Injil Yohanes, tercantum dua pengertian tambahan yang sangat perlu kita ketahui dan perhatikan, iaitu hal perutusan (misi) dan panggilan (tugas/undangan).

Apakah perutusan/misi itu? Melalui Roh-Nya, Tuhan mendorong dan menyertai kita sebagai murid Kristus untuk terus meneruskan memperdalam, memahami, melaksanakan dan meneruskan kepada orang lain siapa Yesus itu dan apa yang dilakukan Yesus Kristus kepada kita, kepada dunia kita.

Dengan kata lain kita semua harus meng-



### HARI RAYA TRITUNGgal MAHAKUDUS

AMSAL 6:22-31;  
ROMA 5: 1-5;  
INJIL YOHANES 6:12-15

hayati keyakinan iman kita akan apa yang diajarkan dan dilakukan Yesus dan meneruskan kepada orang lain.

Apakah panggilan (tugas atau undangan) itu? Tritunggal adalah suatu gambaran tentang Tuhan, yang sungguh-sungguh adalah kasih.

Tiga Peribadi, tetapi satu Tuhan, yang tidak pernah bertentangan, selalu bersatu dalam hubungan timbal balik, ketiganya adalah pelaku dan pelaksana kasih yang satu dan sama.

Kenyataan inilah yang dilaksanakan secara tampak dalam diri Yesus Kristus. Yang dilakukan Yesus untuk segenap umat manusia itu — itulah juga yang merupakan panggilan, tugas atau undangan luhur bagi kita sebagai orang Kristian sejati.

Inilah pesan yang disampaikan dalam Injil Yohanes kepada kita dalam merayakan Hari Raya Tritunggal Mahakudus. Amin. **Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.**

# Gereja *Blessed Sacrament* anjur Seminar Alkitab

KUCHING: Gereja *Blessed Sacrament* telah mengadakan Seminar Alkitab dan *Healing Rally* dari Mei 16-18.

Ia dikendalikan oleh Fr Thomas Bobby Emprayil VC (Fr Bobby) yang baharu dipilih sebagai Ketua Umum Provincial untuk Kongregasi *Vincentian* bagi Wilayah St Thomas dan Pengarah *Divine Glory Ministries*, Manipur, India.

Seminar ini memberi tumpuan kepada pemahaman tentang Lapan Sabda Bahagia bahawa "berbahagia" yang dimaksudkan oleh Yesus adalah bahagia yang dikehendaki Tuhan dan bukan bahagia menurut manusia.

Dengan berulang kali menyanyikan Lapan Sabda Bahagia yang dipimpin oleh Johns Jose, Fr Bobby mengajak peserta



menyedari bahawa firman Tuhan itu adalah hidup dan berkuasa.

Beberapa ayat Alkitab berikut digunakan oleh Fr Bobby untuk memperdalam lagi

pemahaman peserta tentang Lapan Sabda Bahagia, "Tuhan menentang orang yang angkuh tetapi memberikan anugerah kepada orang yang rendah hati

(Yakobus 4:6); "Tuhan menjadikan Dia yang tidak mengenal dosa menjadi penanggung dosa untuk kita, supaya dalam Dia kita diperbenarkan oleh Tuhan (2 Korintus 5:21) dan "Oleh itu, aku rela menanggung pelbagai kelemahan, celaan, kesempitan, penganiayaan dan kesusahan untuk Kristus; kerana apabila aku lemah, ketika itulah aku kuat (2 Korintus 12:10)".

Selepas Seminar Alkitab dan *Healing Rally* tersebut, beberapa peserta memberikan perkongsian mereka. Antaranya, "Fr Bobby menerapkan ayat-ayat dari Alkitab kepada lapan Berbahagia, menjadikan Firman Tuhan hidup dan bermakna bagi saya"; "Saya kini lebih memahami Lapan Sabda Bahagia melalui penjelasan Fr Bobby."

Seorang peserta menyatakan, "Lagu *Lapan Sabda Bahagia* yang saya pelajari dalam seminar ini menjadi satu peringatan kepada saya bahawa tidak ada satu pun domba-Nya yang akan hilang" manakala peserta lain pula mengatakan, "Seminar ini membuat saya sedar bahawa Alkitab itu hidup."

Seminar Alkitab selama tiga hari tersebut merupakan untuk peserta berdaftar dan *Healing Rally* yang diadakan pada waktu malam adalah terbuka kepada komuniti Kristian. *Healing Rally* ini dianjurkan oleh pelayan Servant *Communities Emmaus* dari Gereja *Blessed Sacrament* untuk Komisi Alkitab dan Pembentukan Iman Keuskupan Agung Kuching. **Today's Catholic**

## Ziarah perjalanan rohani kanak-kanak St Joseph



Church of Holy Name of Mary Permatang Tinggi 17 May 2025

PULAU PINANG: Sempena Tahun Jubli Harapan, umat diseru untuk berziarah sebagai Penziarah Harapan.

Baru-baru ini, kanak-kanak penghuni Rumah St Joseph juga tidak melepaskan peluang untuk berziarah selama tiga hari ke tiga buah Gereja Ziarah di Keuskupan Pulau Pinang.

Sebelum ini, Kardinal Sebastian Francis telah mengumumkan beberapa Gereja Ziarah sepanjang Tahun Harapan, Prelatus itu menggesa umat Katolik untuk menjalankan ziarah sebagai perjalanan pembaharuan dan perdamaian, berjalan dalam persekutuan dengan Gereja sejagat sebagai satu Tubuh Kristus — dan tetap terbuka kepada kejutan Roh Kudus.

Ziarah bermula dengan mengunjungi Gereja Assumption di George Town. Di Gereja ini, kanak-kanak itu merayakan Misa yang dipimpin oleh Fr Ryan Innas Muthu.

Selepas Misa, mereka diberi taklimat mengenai sejarah Gereja tersebut dan menyertai doa kebaktian kepada Bonda Maria, menyalakan lilin dan menulis permohonan peribadi.

Selepas itu, penziarah kanak-kanak itu pergi ke Gereja Nama Maria Tersuci di Permatang Tinggi. Setibanya di sana, mereka disambut dengan mesra oleh umat paroki. Kanak-kanak diperkenalkan kepada sejarah Gereja. Pada penghujung ziarah, mereka berdoa hening di dalam Gereja di hadapan Sakramen Mahakudus.

Perjalanan ziarah yang terakhir ialah Kapel Annai Vellangani di Jelapang, Ipoh. Di Kapel tersebut, kanak-kanak dijamu dengan makan tengah hari yang menyelerakan.

Pengerusi PPC berkongsi latar belakang Kapel tersebut, selepas itu kanak-kanak memimpin doa misterium sukacita dalam doa rosari. Ziarah itu terbukti menjadi pengalaman rohani yang bermakna bagi semua yang terlibat — ditandai dengan doa, persahabatan, dan rasa kegembiraan yang mendalam.

Bagi kanak-kanak Rumah St Joseph, ia adalah hari untuk bertemu dengan Sabda Tuhan, mendekati diri kepada Maria dan berjalan dalam kegembiraan Roh Kudus, mengingatkan semua bahawa sepanjang perjalanan hidup.

## Fr David Gasikol berjaya peroleh Ijazah Undang-undang Hukum Kanonik

KENINGAU: Umat di Keuskupan Keningau mengucapkan tahniah dan syabas kepada Fr David Gasikol, J.C.L., sempena Majlis Penganugerahan Ijazah Akademik dari *Pontifical and Royal University of Santo Tomas*, Manila, Filipina pada Mei 31, 2025.

Paderi kelahiran pekan Sook itu telah memulakan pengajiannya pada bulan Ogos 2022 dan menamatkan pengajiannya secara "on time" pada Mei 9, dalam bidang "Juris Canonici Licentiatu" dan sekaligus melayakkannya membawa gelar "J.C.L." iaitu *Licentiate* dalam Undang-Undang Hukum Kanonik, segulung Ijazah Sarjana yang hanya dianugerahkan oleh universiti-universiti Kepausan yang diiktiraf oleh Takhta Suci di Roma.

Kejayaan ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna, bukan sahaja buat Fr David tetapi juga bagi seluruh umat di Keuskupan Keningau, Sabah. Ijazah Sar-



Fr David, diapit oleh ibu (kiri) dan kakaknya, selepas majlis graduasi pada Mei 31, 2025.

jana ini melayakkan Fr David untuk terlibat secara aktif dalam pelbagai aspek pelayan Gereja, termasuk dalam aspek pentadbiran, jawatan-jawatan penting dalam Gereja, serta dalam pelaksanaan peranan di Tribunal Gereja.

Ketika dihubungi, Fr David melahirkan rasa syukur yang mendalam atas segala doa dan sokongan, baik secara rohani mahupun material, yang telah diberikan oleh

seluruh umat Keuskupan Keningau sepanjang tempoh pengajiannya. "Kejayaan ini bukan hanya milik saya, tetapi adalah kejayaan kita bersama," ujar beliau dengan penuh rendah hati.

Fr David yang ditahbis pada Ogos 11, 2018, dijangka akan kembali ke tanah air pada bulan Julai ini untuk meneruskan pelayan imamatnya di Keuskupan Keningau. **Didiroy Jones**

## Kanak-kanak merayakan iman di Katedral Hati Kudus, KK






KOTA KINABALU: Mending Sri Paus Fransiskus menubuhkan Hari Kanak-kanak Sedunia pada tahun lalu untuk diraikan setiap Mei 24 dan 25.

Menyahut seruan mending Bapa Suci Fransiskus, Katedral Hati Kudus telah merayakan Hari Kanak-kanak Sedunia kali kedua dengan Misa Senja pada Mei 24 dan Misa Kudus pada Mei 25.

Pada kedua-dua Misa, kanak-kanak mengambil peranan dalam liturgi dengan menyertai koir, pewarta, warden, pemungut kolekte dan pembawa persembahan. Dalam acara istimewa ini, Fr Gilbert Marcus yang memimpin Misa Senja mengingatkan kanak-kanak bahawa Yesus sentiasa mengalu-alukan kanak-kanak dan menyayangi mereka tanpa syarat serta mengajak kanak-kanak agar rajin membaca Kitab Suci.

# Sahabat kecil Yesus

Warnakan gambar di bawah dan lengkapkan doa Kemuliaan di bawah gambar tersebut



Kitab Suci penting dalam kehidupan rohani kita. Bantu kedua-dua kanak-kanak ini untuk mendapatkan Alkitab mereka masing-masing.

**KEMULIAAN**  
**KEPADA** ..... , .....  
**DAN** .....  
**SEPERTI PADA** ..... **SEKARANG**  
**DAN SEPANJANG** ..... **MASA.**



Hello adik-adik,  
 Apa khabar? Pada hari ini, Jun 15, 2025 kita meraikan perayaan Tritunggal Mahakudus.  
 Tritunggal ialah gelaran untuk tiga peribadi Tuhan iaitu Bapa, Putera dan Roh Kudus.  
 Adik-adik, sebelum Yesus datang ke dunia, masyarakat pada ketika itu tidak tahu bahawa Tuhan adalah Tritunggal.  
 Orang Israel hanya tahu bahawa ada satu Tuhan sahaja, tetapi mereka tidak tahu banyak

tentang-Nya.  
 Yesus menunjukkan kepada orang ramai bahawa terdapat tiga Peribadi dalam Tuhan dan Dia mengajar mereka tentang diri-Nya dan Bapa serta Roh Kudus.  
 Tiga Peribadi dalam Tritunggal Mahakudus adalah sama tetapi berbeza.  
 Adik-adik, meskipun kita tidak dapat memahami ini, tetapi kita dipercayainya kerana Yesus yang mengajarkannya kepada kita.  
 Inilah salah satu Misteri Iman kita. Apa yang dilakukan oleh

Tritunggal Suci untuk kita?  
 Kita tahu bahawa Tuhan Bapa mencipta segala-galanya dan kita akan kembali kepada-Nya.  
 Roh Kudus membimbing kita ke arah-Nya dan Yesus adalah jalan-Nya.  
 Adik-adik, setiap kali kita membuat Tanda Salib atau mengucapkan doa "Kemuliaan", kita sedang berdoa kepada Tritunggal Mahakudus!  
 Salam Sayang  
 Antie Melly

# BELIA

## Pelajar kenang jasa katekis pertama dengan perjalanan rohani

SEMARANG: Sekumpulan pelajar muda dari Sekolah Rendah Kanisius Kenalan di Jawa Tengah mengenang seorang penginjil ulung, Barnabas Sarikrama—katekis pertama di kawasan itu, dengan melakukan ziarah iman tahunan pada penghujung bulan Mei lalu.

Dikenali sebagai “*Napak Tilas Barnabas Sarikrama*” atau “Menjejak Langkah Barnabas Sarikrama,” perjalanan spiritual ini mengumpulkan 13 pelajar dari sekolah Kanisius.

Ziarah itu memperingati ulang tahun pembaptisan Sarikrama oleh misionaris Jesuit Belanda, Fr. Frans van Lith, SJ, pada Mei 20, 1904, di Muntilan.

Tahun itu menandakan saat penting dalam sejarah Katolik di Jawa Tengah, dengan pembaptisan yang membawa kepada penubuhan sebuah kolej Jesuit yang alumnninya kemudiannya melahirkan ramai tokoh terkemuka—ahli politik, uskup, askar, katekis, dan paderi.

Dilahirkan sebagai Sariman, Barnabas Sarikrama menjadi katekis tempatan per-



Gambar ilustrasi: Kaum muda mengadakan perjalanan rohani untuk mengenang katekis dan penginjil ulung di Tanah Jawa Tengah, Katekis Barnabas Sarikrama.

tama di Kalibawang. Pembaptisannya merupakan asas bagi usaha penginjilan sehingga mendorong pembaptisan besar-besaran, 171 orang di Shrine Marian Sendangsono pada Disember 14, 1904 — juga dipimpin oleh Fr Van Lith.

Selepas mengambil nama Barnabas, beliau memulakan perjalanan untuk menyebarkan Injil ke beberapa buah kampung, hanya bersenjatakan

Alkitab dan buku katekismus yang diberikan oleh Fr Van Lith. Walaupun menghadapi tentangan daripada kumpulan-kumpulan tegar, dia terus berusaha.

Keuskupan Agung Semarang juga secara rasmi mengiktiraf Barnabas Sarikrama sebagai tokoh utama dalam sejarah Gereja di Jawa Tengah.

Para pelajar, yang terinspirasi oleh warisan ini, memulakan ziarah sejauh empat kilometer dari Kapel Kerug ke makam Barnabas Sarikrama, tanah perkuburan Sendangsono.

Sepanjang perjalanan, mereka berhenti sejenak di lima hentian untuk mempersembahkan kisah kehidupan Barnabas, diikuti dengan renungan dan doa

spontan yang memfokuskan kepada lima sifat: kesabaran, ketekunan, keberanian, kesetiaan, dan dedikasi.

Di Sendangsono, para remaja itu menghormati kubur Barnabas Sarikrama dengan membersihkan kawasan tersebut, menawarkan doa dan menaburkan kelopak bunga. **LiCAS News**

## BELIA PERIBUMI PERTAHANKAN ALAM DAN IDENTITI



Belia Orang Asli dalam salah satu sesi yang memupuk persatuan dan solidariti. Kredit Gambar LiCAS News.

MYMENSINGH, Bangladesh: Sekumpulan pemimpin belia Orang Asli dari keuskupan Mymensingh dan Dinajpur mengambil bahagian dalam program selama dua hari yang direka untuk mempromosikan penglibatan aktif dalam Komuniti Eklestial Dasar (BEC/KED), sambil memperkukuhkan identiti budaya dan tanggungjawab ekologi mereka.

Dihadiri seramai 20 belia Orang Asli, program ini dianjurkan oleh Jaringan Eklestial Asia Oceania River Above (RAOEN) dan Caritas Wilayah Mymensingh dengan tema “Menuju Pembinaan Komuniti Eklestial Dasar yang Partisipatif.”

Inisiatif ini dikendalikan oleh James Pochury, yang juga mengendalikan sesi serupa di lima keuskupan untuk di India dan Bangladesh.

Program itu menggabungkan pembelajaran intensif dan kaedah berasaskan permainan yang bertujuan untuk memupuk inklusif dan penglibatan spiritual.

“Tujuan program ini adalah untuk menguatkan persekutuan terutamanya di tanah adat yang paling dieksploitasi, didiskriminasi,

diusir dan terpinggir,” kata James Pochury. Program serupa juga diadakan di Keuskupan Jamshedpur di India dan di Universiti Don Bosco, serta seperti yang digambarkan oleh James, “tanah asal penduduk” India iaitu Keuskupan Agung Ranchi, yang terletak di negeri Jharkhand, India.

James memberi peringatan bahawa komuniti Pribumi di seluruh rantau ini menghadapi ancaman yang semakin meningkat terhadap tanah dan mata pencarian mereka. Beliau berkata komuniti dominan sedang “menceroboh tanah adat” manakala “undang-undang progresif yang sedia ada sedang dipinda untuk memihak kepada golongan supremasi, kapitalis, neoliberalis dan neo-kolonialis.”

Di Keuskupan Jamshedpur, Uskup Teleshore Bilung, SVD — yang juga selaku Presiden Komisi Tribal Konferensi Uskup Katolik India — secara peribadi menghadiri sesi penuh dua hari bersama peserta lain, menekankan komitmen Gereja untuk berjalan bersama komuniti pribumi. **LiCAS News**

## Khabar dari Asia

### Bah besar, dunia perlu bantu Myanmar



**YANGON:** Banjir besar telah melanda utara Myanmar selepas seminggu hujan lebat berterusan, memburukkan lagi keadaan yang sudah tidak menentu di kawasan yang sudah lama dilanda konflik sivil dan bencana alam baru-baru ini.

Sumber tempatan dari komuniti Katolik di negeri Kachin melaporkan bahawa keadaan di daerah-daerah yang terjejas oleh bencana alam adalah "serius".

"Banjir telah melanda bahagian atas negeri Kachin; kampung-kampung di kawasan pergunungan

tenggelam, begitu juga dengan kem pelarian di bandar Chizaw."

Sementara itu, laporan baharu oleh Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB menekankan krisis kemanusiaan yang semakin muncung di seluruh Myanmar.

PBB telah menyeru "tindak balas pelbagai aspek terhadap krisis ini," mendesak "sokongan kemanusiaan, bantuan merentasi sempadan untuk populasi yang terpaksa berpindah dan komitmen politik yang lebih tinggi" daripada komuniti antarabangsa. LICAS News

### Damai Kristus dalam keluarga

**SEMARANG:** Keuskupan Agung Semarang mengumpulkan pasangan Katolik di Sleman untuk pembentukan spiritualiti keluarga dan toleransi agama.

CB Ismulyadi, Pegawai Hal Ehwal Katolik Daerah Sleman beliau berkata program ini bertujuan untuk memberikan keluarga peluang untuk merenungkan hubungan mereka, sama ada dalam komunikasi mahupun dalam iman serta menyokong pelayanan keluarga.

Dianjurkan oleh Pejabat Hal

Ehwal Katolik Kementerian Agama di Sleman, program tersebut mengangkat "Damai Kristus dalam Keluarga."

Sesi-sesi dalam program itu membincangkan tentang iman, komunikasi, dan perbezaan personaliti.

Salah seorang penceramah, Fr Adolpus Suratmo berkata program itu membantu pasangan berkahwin menjadi lebih berdaya tahan dan menjadi contoh keharmonian dalam komuniti paroki mereka. LICAS News

### Mukjizat Ekaristi pertama di India

**KERALA:** Lebih 10,000 umat Katolik berkumpul di sebuah paroki di India selatan baru-baru ini untuk menyaksikan deklarasi mukjizat Ekaristi, yang disebut sebagai mukjizat pertama di India dan dipersetujui Vatikan.

Peristiwa pada Mei 31 itu terjadi lebih dari 11 tahun setelah mukjizat – wajah Kristus muncul dalam hosti kudus ketika perayaan Ekaristi – di Gereja Kristus Raja di paroki Vilakkannur, Keuskupan Agung Thalassery pada Nov, 15 2013.

Vatikan meluluskan mukjizat itu

dua bulan lalu, selepas analisis teologi dan penilaian saintifik yang membenarkan keuskupan agung tersebut untuk menyimpan hostia ajaib itu di paroki.

Nunsio Apostolik ke India dan Nepal, Uskup Agung Leopoldo Girelli, Canselor Keuskupan Agung, Fr Biju Muttathukunnel, kelulusan rasmi Vatikan, mengisytiharkan insiden tersebut sebagai mukjizat.

"Keajaiban Ekaristi ini membantu iman umat kita bertambah kuat," kata Fr Thomas Keezharathil, paderi paroki Kristus Raja. Ucan

### Katolik Vietnam rai 'wanita Pentakosta'

**QUANG NAM, Vietnam:** Seorang uskup agung Katolik di Vietnam mengatakan ziarah ke Shrine Santa Maria menggambarkan "peristiwa cinta Tuhan, iman, komitmen dan pelayanan."

Lebih 10,000 penziarah telah melakukan ziarah ke shrine tersebut dan menghadiri Misa Kudus sempena akhir bulan Mei atau bulan rosari.

Ziarah itu adalah "kesempatan bagi umat untuk menyatakan iman dalam menghadapi cabaran masa kini," kata Uskup Agung Joseph Dang Duc Ngan dari Hue semasa menyampaikan homilinya dalam

Misa Kudus pada Jun 3.

Umat Katolik Vietnam percaya bahawa Bunda Maria muncul di puncak Gereja di Tra Kieu pada September 1885 untuk membantu umat paroki mengalihkan tentera kerajaan yang cuba membasmi umat Kristian di desa tersebut.

Uskup Agung Joseph memperingatkan bahawa semua kegiatan – pertemuan komuniti, liturgi dan ziarah – tanpa rahmat Roh Kudus, "hanya akan menjadi pertemuan sosial belaka."

Ziarah tersebut juga merupakan perayaan Santa Maria sebagai "Wanita Pentakosta." ucanews.com

# Perayaan seabad tiga Santo Perancis

VATIKAN: Tiga orang santo sebagai teladan dalam mengharungi cabaran yang dihadapi oleh Gereja Perancis moden —itulah idea di sebalik surat yang dihantar oleh Sri Paus Leo XIV kepada Konferensi para Uskup Katolik Perancis, menekankan kepentingan ulang tahun ke-100 kanonisasi tiga orang santo Perancis.

"Saiz cabaran yang dihadapi oleh Gereja di Perancis seratus tahun kemudian serta sifat ketiga-tiga orang kudus itu sentiasa relevan dalam menghadapi cabaran dunia moden. Saya mendorong anda agar memberi keutamaan khas kepada perayaan ulang tahun ini," tulis Sri Paus Leo XIV.

#### Tiga orang santo Perancis

Pertama, Sta Thérèse of Lisieux, seorang biarawati Karmelit Perancis abad ke-19 yang meninggal pada usia 24 tahun dan diisytiharkan sebagai Doktor Gereja dan Pelindung Misi, telah dikanonisasikan

pada Mei 17, 1925.

Bapa Suci Leo menggambarkan-kannya sebagai: "Doktor Agung dalam *scientia amoris* [sains cinta] yang diperlukan oleh dunia kita—dia yang 'menghembuskan' Nama Yesus pada setiap saat dalam hidupnya, dengan spontan dan kesegaran."

Dua minggu kemudian, Pius XI mengkanonisasi dua orang paderi. Yang pertama adalah Santo Yohanes Eudes (1601–1680), seorang paderi Perancis, pengasas Kongregasi Yesus dan Maria (Eudist) serta Perawan Maria Penolong Orang Kristian.

Sto Yohanes Eudes mengabdikan hidupnya untuk pembentukan para paderi dan menyokong wanita yang menghadapi kesukaran kewangan atau sosial, serta mempromosikan devosi kepada Hati Yesus dan Maria.

Sto Jean-Marie Vianney (1786–1859) yang lebih dikenali sebagai *Curé of Ars*, seorang paderi Perancis yang terkenal dengan

semangat pastoralnya, amalan pengakuan dosanya dan kehidupan doanya yang tekun. Dia terkenal dengan kata-katanya bahawa "imamat adalah cinta Hati Yesus."

Sri Paus Leo XIV mengimbas niat pendahulunya, Sri Paus Pius XI yang mengkanonisasi ketiga-tiga orang kudus ini kerana mereka adalah guru yang patut didengari, model dan perantara doa yang amat berkuasa.

"Mereka mencintai Yesus tanpa ragu—dengan cara yang sederhana, tekun dan tulus; mereka telah mengalami kebaikan dan kelembutan-Nya dalam rutin harian dan mereka memperlihatkan iman mereka dengan semangat misi yang mengagumkan." Merayakan ulang tahun ke-100 kanonisasi untuk ketiga-tiga orang kudus ini adalah "undangan untuk bersyukur kepada Tuhan atas keajaiban yang telah Dia lakukan di tanah Perancis selama ini," tulis Bapa Suci Leo. **Media Vatikan**

## Thailand tubuh jawatankuasa kebangsaan pelaksanaan rekomendasi Sinode

**BANGKOK:** Konferensi para Uskup Katolik Thailand (CBCT) telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kebangsaan untuk mengetuai pelaksanaan Dokumen Akhir Sinode tentang Sinodaliti.

Penubuhan itu menandakan fasa baru dalam perjalanan global Gereja ke arah persekutuan, penyertaan dan misi yang lebih besar.

Jawatan kuasa peringkat tinggi yang baharu ditubuhkan ini dipengerusikan oleh Uskup Agung Anthony Weradet Chaiseri, Naib Presiden CBCT, termasuk wakil dari semua keuskupan, pejabat CBCT, kongregasi agama dan organisasi awam.

"Struktur ini merangkumi dua peringkat," jelas Fr Suwat Luangsaard, Timbalan Setiausaha Agung CBCT pada Jun 3 lalu.

"Di peringkat kebangsaan, jawatankuasa peringkat tinggi mengumpulkan pemimpin dari semua sektor Gereja."

Di peringkat keuskupan, struktur serupa akan ditubuhkan untuk mencerminkan konteks tempatan," tambah prelatus itu.

Langkah ini diambil sebagai tindak balas kepada surat daripada Setiausaha Agung Sinode yang mendesak semua uskup dan umat Tuhan untuk memulakan tahap akhir perjalanan sinodal iaitu pelaksanaan.

Peringkat ini menandakan peralihan dari acara global sekali sahaja kepada proses Gereja yang berterusan dan dinamik.

Perjalanan sinodal, yang secara rasmi bertajuk "Untuk



Gereja Sinodal: Persekutuan, Penyertaan, Misi," disusun dalam tiga fasa: persiapan, perayaan, dan pelaksanaan.

Dengan dua fasa pertama selesai pada Oktober 2024, Gereja kini telah memasuki fasa ketiga yang penting—mengubah wawasan yang telah dikenal pasti menjadi realiti yang hidup.

Pelan pelaksanaan CBCT bermula dengan mesyuarat perancangan komprehensif yang dijadualkan pada bulan ini. Ia akan memberi tumpuan kepada penyelarasan usaha pelbagai pejabat CBCT dengan saranan Sinode mengenai Sinodaliti.

Matlamatnya adalah untuk mencipta rangka kerja yang bersatu yang membolehkan Gereja di Thailand "berjalan maju bersama," sambil mengambil kira konteks pastoral dan budaya negara yang unik.

Menurut Fr Suwat, jawatankuasa peringkat tinggi akan bertemu sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk menyelaraskan

dan menilai kemajuan, bekerja rapat dengan pasukan peringkat dioses.

Pasukan tempatan ini—yang terdiri daripada paderi, orang ragama, dan awam—akan bekerja dengan uskup mereka dan melaporkan secara berkala kepada CBCT. Penilaian akhir akan dikemukakan kepada Persekutuan Persidangan Uskup Asia (FABC) dan Sekretariat Jeneral Sinode di Roma menjelang 2028.

"Proses ini memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan pembelajaran bersama," kata Fr Suwat. "Ia mencerminkan semangat berjalan bersama sebagai Gereja sinodal misi."

Dokumen Sinode Akhir menyeru penubuhan "pasukan sinodal" di peringkat tempatan untuk membantu menyematkan prinsip-prinsip sinodal dalam kehidupan harian Gereja. Pasukan-pasukan ini adalah penting untuk membolehkan komuniti mendengar, menilai dan bertindak bersama dalam misi. **LICAS News**

## Audiensi Umum Sri Paus Leo XIV

# Jika Tuhan memanggil, janganlah bertangguh

VATIKAN: “Tuhan tidak pernah berputus asa pada kita; Dia sentiasa bersedia untuk menerima kita, memberi makna serta harapan kepada hidup kita, walaupun situasi kita kelihatan tidak ada harapan dan walaupun jasa kita kelihatan tidak penting,” kata Sri Paus Leo XIV semasa menyampaikan katekesis dalam Audiens Umum minggunya di Vatikan.

Prelatus itu meneruskan siri katekesisnya tentang “Yesus Kristus Harapan Kita” sempena Tahun Jubli.

Pada Jun 4 lalu, Sri Paus mengingatkan perumpamaan Yesus tentang pekerja-pekerja pada jam terakhir menurut Sto Matus, apabila tuan tanah memberikan upah yang sama kepada pekerja-pekerja pada jam kesebelas juga buat mereka yang tiba jauh lebih lewat daripada yang lain – menggambarkan belas kasihan Tuhan yang amat besar.

Sri Paus Leo mengingatkan bagaimana pekerja yang diupah pada jam pertama, berasa kecewa dan tidak dapat melihat keindahan tindakan tuan tanah itu, tetapi, jelas Sri Paus, “Tuan tanah itu bukannya tidak adil – dia hanya murah hati. Tuan



tanah itu tidak hanya melihat merit, tetapi juga keperluan. Begitu juga, Tuhan ingin memberikan kehidupan yang penuh kepada semua orang.”

Sri Paus Leo mengatakan perumpamaan itu mencabar kita untuk meneliti apa yang benar-benar adil.

Bagi pemilik kebun anggur iaitu, bagi Tuhan, “keadilan bermaksud bahawa setiap orang menerima apa yang mereka perlukan untuk hidup. Lihatlah, Dia memanggil para pekerja secara peribadi, menghormati maruah mereka dan ingin membayar mereka menurut maruah itu.”

“Tuhan, ingin memberikan kepada semua orang Kerajaan-Nya dengan kehidupan yang penuh, abadi dan penuh kegembiraan. Oleh sebab itu, memang tepat apa yang Yesus lakukan dengan kita: Dia tidak memilih atau memanggil kita berdasarkan pangkat atau keturunan. Sesiapa sahaja yang membuka hati kepada-Nya, Tuhan juga akan memberikan seluruh diri-Nya.”

Dalam konteks perumpamaan itu, Sri

Paus Leo mengatakan orang Kristian pada masa ini mungkin tergoda untuk berfikir, “Mengapa perlu mula bekerja segera? Jika ganjarannya sama, mengapa perlu bekerja lebih keras?”

“Dalam hal ini, Sto Augustinus menjawab persoalan tersebut. Dia berkata: “Mengapa kamu menangguhkan untuk mengikuti orang yang memanggilmu, ketika kamu pasti akan mendapat ganjaran, jadi mengapa perlu bekerja lebih masa? Berhati-hati dan lebih baik anda terus menyahut panggilan dengan segera kerana dengan kelewatan, dengan sikap suka bertangguh, anda akan terlepas daripada berkat-Nya.”

Pada akhir katekesisnya, Sri Paus Leo berpesan, “Jangan tunggu, tetapi sahutlah Tuhan dengan semangat untuk bekerja di ladang-Nya. Jangan bertangguh kerana Tuhan itu Pemurah dan anda tidak akan kecewa!”

“Dengan bekerja ‘di kebun anggur’, anda akan menemukan jawapan kepada soalan mendalam yang anda bawa dalam diri anda: apakah makna hidup saya?”

Oleh sebab itu, Sri Paus Leo menekankan, “janganlah kita berputus asa! Bahkan dalam saat-saat gelap kehidupan, apabila masa berlalu tanpa memberikan kita jawapan yang kita cari, marilah kita meminta Tuhan untuk hadir sekali lagi dan menemui kita di mana kita menunggu-Nya,” kerana Dia Maha Pemurah dan pasti akan datang segera!” **Media Vatikan**

## PENULIS BERKICAU

## Apabila Ijazah dalam AI mulai ‘meledak’

Beberapa universiti di Malaysia mula menawarkan laluan kepakaran dalam robotik dan kecerdasan buatan (AI) dalam program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik.

Ia selari dengan keperluan Industri 4.0 yang menuntut kemahiran dalam automasi dan sistem pintar. Antara yang terawal memperkenalkan struktur ini ialah (sekadar menyebut beberapa nama) Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Taylor’s University, yang membuka program baharu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Belia yang mengetepikan atau kurang memedulikan mengenai kemajuan teknologi dan hanya berbekalkan pengetahuan sedia ada, lambat laun pasti akan ketinggalan dalam arus teknologi yang serba pantas ini.

AI kini menjadi bahagian penting dalam kehidupan moden, meresap ke pelbagai aspek seperti telefon pintar, sistem pengangkutan dan penjagaan kesihatan serta membantu mempermudah tugas rutin selain meningkatkan kecekapan dalam pelbagai industri.

Bagaimanapun, kemajuan AI juga membawa cabaran seperti isu privasi data, pengangguran akibat automasi dan keperluan ketelusan dalam keputusan mesin.

Seabad lalu, mendiang Sri Paus Fransiskus pernah berkata “Kita hidup dalam era perubahan.” (November 2015). Ini adalah peringatannya terhadap perkembangan pesat AI.

Oleh sebab itu, mendiang Bapa Suci Fransiskus telah menganjurkan beberapa seminar tentang AI. Antaranya, pada Oktober tahun lalu, Forum AI yang menyokong pembangunan produk AI agar selari dengan misi Gereja.

Beberapa seminar, forum dan bengkel yang disokong oleh Sri Paus Fransiskus telah membawa para usahawan teknologi, pengatur cara yang bekerja untuk syarikat teknologi besar, pensyarah dan alumni universiti, pelabur teroka, paderi, ahli falsafah, ahli-ahli teologi, jurutera yang semuanya Katolik, agar menyedari ‘kuasa’ AI dan menggunakan AI dengan etika.

Meskipun AI dapat digunakan untuk menyampaikan maklumat rohani namun ia sama sekali tidak boleh menggantikan paderi untuk memberikan pelayanan sakramen-sakramen!

Mengenai program baharu Ijazah dalam AI, perubahan ini memberi kelebihan kompetitif kepada pelajar di negara ini untuk mempersiapkan mereka untuk pasaran kerja berteknologi tinggi, khususnya dalam sektor seperti pembuatan, automotif, aeroangkasa dan penjagaan kesihatan.

Dalam tempoh lima ke 15 tahun akan datang, saya pasti bahawa mereka yang ada kemahiran AI amat diperlukan dalam sektor pekerjaan Malaysia termasuk global.

Pada masa yang sama, kita sebagai umat Katolik, khususnya para uskup, paderi dan religius, harus sentiasa mengajar serta belajar bagaimana AI dapat lebih memanusiakan kita, bagaimana AI dapat digunakan untuk membantu mereka yang dilayan tidak adil, kurang upaya dan yang terabai!

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)

atau

WhatsApp: 011-26391498

## Jus rohani untuk jiwa

# Gen Z Katolik, Antara Iman dan Dunia Digital

Perkembangan dalam era teknologi pesat telah membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam hal agama.

Generasi Z, atau lebih dikenali sebagai Gen Z, tumbuh pada era digital yang menawarkan pelbagai kemudahan, tetapi juga cabarannya sendiri dalam menjalani kepercayaan Katolik.

Kehidupan rohani yang pernah sinonim dengan aktiviti-aktiviti di Gereja, kini mesti ada hubungan rapat dengan dunia digital, misalnya mengiklankan sesebuah seminar, membuat kumpulan perbincangan maya tentang tugas-tugas Gereja dan banyak lagi.

Bagi Gen Z Katolik, media sosial dan platform digital adalah cara baharu untuk belajar tentang iman, berdoa, dan masyarakat.

Mereka menggunakan YouTube, Instagram, untuk aplikasi Alkitab digital untuk memperdalam pemahaman mereka tentang agama.

Melalui Internet, mereka boleh mengakses khutbah daripada pelbagai paderi, mengambil bahagian dalam Misa Kudus

atas talian atau sekadar berbual dengan kumpulan maya seiman.

Walau bagaimanapun, dunia digital ini juga membentangkan cabarannya sendiri.

Kebanjiran maklumat tak terhingga sering membuat mereka terdedah kepada pelbagai pandangan yang dapat menggoncang keyakinan.

Isu-isu yang berkaitan dengan moral, sekularisme dan perdebatan antara agama sering menghiasi ruang digital, menuntut Gen Z Katolik menjadi lebih kritikal dan selektif dalam penapisan maklumat.

Di tengah-tengah pelbagai cabaran, ramai di antara mereka tetap teguh dalam iman.

Mereka dapat menyeimbangkan antara menjalankan kepercayaan agama dan hidup di dunia digital yang serba pantas.

Komuniti dalam talian berasaskan agama mula muncul sebagai forum bagi mereka untuk berkongsi pengalaman rohani, belajar bersama, dan saling menyokong dalam kehidupan hidup yang selaras dengan ajaran Gereja.

Walaupun menghadapi pelbagai godaan dan gangguan, ramai di antara mereka op-

timis bahawa mereka dapat terus menjalani kehidupan keagamaan yang sah, tanpa harus mengabaikan masa.

Dalam hal ini, Gereja dan para pemimpin agama diharapkan terus beradaptasi, dengan memberikan bimbingan dan pemahaman yang relevan terhadap perubahan zaman, sehingga generasi muda tetap dapat menjalankan iman mereka dengan kukuh di tengah derasnya arus digital.

Sama-samalah kita mengingati doa mendiang Sri Paus Fransiskus pada bulan November 2024 tentang AI. Bapa Suci Fransiskus pernah membuat intensi doa bahawa AI berada di tengah-tengah perubahan epik yang kita alami.

Robotik boleh menjadikan dunia yang lebih baik mungkin jika ia disertakan dengan kebaikan bersama.

Mendiang Bapa Suci Fransiskus menegaskan, kemajuan teknologi yang hanya mencetuskan ketidakadilan, bukanlah kemajuan yang sebenar. Kemajuan masa depan harus berorientasikan dan berpaksi kepada penghormatan kepada martabat manusia dan Penciptaan. **Pen@Katolik**



## Perjalanan Salib bawa umat amati empat keprihatinan pastoral

KENINGAU: Lebih 500 umat menyaksikan detik bersejarah apabila Perjalanan Salib dilancarkan di peringkat Keuskupan di Dataran Keuskupan Keningau pada Mei 25 lalu.

Majlis pelancaran itu dimulakan pada jam 4.00 petang dengan perarakan Perjalanan Salib yang diiringi tarian rebana dan lagu-lagu pujian oleh koir.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Uskup Cornelius Piong, Msgr Gilbert Lasius, para paderi, religius, pengerusi-pengerusi MPP/MPM serta perwakilan beliau.

Kemudian, Sdra Roney Eming menyampaikan katekesis singkat tentang maksud dan tujuan Perjalanan Salib. Menurut beliau, sejak tahun 2018, Gereja Katolik di Malaysia telah berusaha ke arah impian bersama: menyatukan kesemua sembilan keuskupan untuk meraikan, mendengar, dan berjalan sebagai satu Gereja.

Salah satu usaha itu ialah Per-

jalanan Salib Katolik yang akan mengambil masa selama 18 bulan, bermula April 3, 2025. Perjalanan Salib mempunyai sembilan salib yang diberikan kepada setiap keuskupan/agung.

Sembilan Perjalanan Salib itu akan disatukan pada Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) pada September 2026 di Pusat Majodi, Keuskupan Melaka Johor.

Perjalanan Salib sudah bermula dan bersedia untuk menjelajah semua paroki di bawah jagaan Keuskupan Keningau, untuk menyentuh setiap lapisan masyarakat: belia, dewasa, kanak-kanak, warga emas dan orang-orang kurang upaya.

Dalam amanatnya, Uskup Cornelius Piong menegaskan: "Salib tidak dapat dipisahkan daripada iman Kristiani. Saliblah yang mengungkapkan kasih pengorbanan Yesus kepada umat manusia. Dalam Yohanes 12:23, Yesus berkata bahawa sesiapa yang mahu mengikuti-Nya harus

memikul salib setiap hari. Ini menjadi pedoman dan kekuatan hidup kita."

Prelatus itu mengajak semua untuk merenung tiga hal seperti yang dinyatakan dalam Kitab Suci iaitu: Jangan mementingkan diri sendiri, Memikul salib setiap hari dan Mengikuti Yesus dengan setia.

Kepada para pelayan dan pemimpin, Bapa Uskup mengajak mereka untuk merenung, "Apakah pelayanan dan kepimpinan kita benar-benar selaras dengan kehendak Yesus?"

"Dalam kesempatan berjalan bersama Perjalanan Salib, Uskup Cornelius mengajak umat untuk mempertimbangkan secara serius empat tindakan berikut: membangunkan komuniti kecil di Gereja kita; memperkasa keluarga kita; memperkaya nilai kemasyarakatan dan meningkatkan kesedaran ekologi."

Majlis diteruskan dengan pemberkatan Perjalanan Salib diikuti dengan penyerahan



Booklet Kit Perjalanan Salib Menuju MPC 2026 kepada koordinator paroki, sebagai

panduan lengkap bagi sambutan penerimaan Perjalanan Salib, Misa dan katekesis. Will Fred

## St Augustine Kinarut komited jadi paroki ekologi

KINARUT: Sebagai persediaan untuk menjadi paroki ekologi, tiga jawatankuasa Gereja St Augustine, Kinarut iaitu Caritas, Keadilan Penciptaan dan Pelayanan Migran telah bersama-sama menganjurkan program separuh hari yang dipanggil 'Laudato Si in Action' pada Mei 25 lalu.

Program yang bermula dari pukul 1.30 hingga 4.00 petang itu diisi dengan ceramah oleh tiga orang penceramah yang mewakili tiga badan pelayanan.

Ceramah pertama disampaikan

oleh Melson Simit, Koordinator Caritas untuk Gereja St Augustine yang berkongsi tentang pelayanan Caritas.

Antara lain, beliau menjelaskan struktur organisasi Caritas di peringkat nasional dan tempatan, serta skop kerja amal yang telah dilakukan oleh Caritas di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Ceramah kedua disampaikan oleh Peter Zeter, seorang anggota Komisi Keuskupan untuk Penjagaan Pastoral bagi Pendaatang dan Orang yang Berpindah

Randah (ACMI).

Dalam pembentangnya, beliau menekankan beberapa isu seperti cabaran dalam melayani para migran dalam Gereja serta menjelaskan beberapa isu sosial yang menghalang perkembangan pelayanan tersebut.

Peter menjelaskan bahawa pada masa ini ACMI memfokuskan pelayanannya kepada migran Katolik dalam Keuskupan Agung Kota Kinabalu sambil bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, paroki

dan keuskupan lain di dalam dan luar Malaysia.

Ceramah ketiga, yang merupakan subjek utama hari itu, disampaikan oleh Sr Calista Soliun, FSIC yang membentangkan rasional dokumen 'Laudato Si' serta sebab menjaga alam sekitar dalam keadaan sihat.

Menghuraikan beberapa perkara penting daripada dokumen tersebut, Sr Calista juga menekankan bahawa para uskup Malaysia telah menandatangani ikrar bahawa setiap keuskupan dalam

Malaysia, Singapura dan Brunei akan menjadi keuskupan ekologi.

Untuk sorotan program, Sr Calista meluangkan masa untuk menerangkan 20 protokol yang boleh diambil oleh sebuah paroki untuk menjadi paroki ekologi.

Beliau juga menekankan bahawa sebuah paroki yang mahu menjadi paroki ekologi perlu memilih beberapa protokol untuk dilaksanakan di paroki sebagai permulaan sebelum menambah protokol lain.

Program tersebut kemudian diakhiri dengan sesi bergambar.

## Katolik berjuang lindungi kanak-kanak dan dewasa lemah

KUALA LUMPUR: Pada Mei 17, umat beriman dari seluruh Lembah Klang berkumpul di Cahaya Suara untuk sesi "Perlindungan dan Keselamatan untuk Kanak-kanak dan Dewasa Lemah."

Acara tersebut dianjurkan bersama oleh Pejabat Pembangunan Manusia Keuskupan Agung (AOHD) dan Pejabat Piawai Profesional (PSO).

Peserta termasuk wakil dari Pelayanan Pembangunan Manusia Integral Paroki (PIHDM) di seluruh keuskupan agung, serta anggota Pelayanan Katolik untuk Orang Pekak.

Sesi tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan doa

pembukaan oleh Uskup Agung Julian Leow. Pembentukan tersebut dikendalikan oleh Fr Gregory Chan, pembantu gerejawi untuk PSO.

Bagi kebanyakan peserta, sesi tersebut merupakan satu pendedahan. Fr Gregory menjelaskan isu-isu yang sering tidak disedari dalam komuniti paroki.

Paderi itu menjelaskan tentang cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak dan orang dewasa lemah serta menekankan keperluan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa, penjaga dan pemimpin Gereja.

Fr Gregory juga menerangkan cara untuk mengenal pasti tan-

da-tanda trauma, kepentingan mendengar tanpa membuat penilaian dan cara praktikal untuk menyokong mereka yang menderita.

Mengambil dari pengalaman pastoralnya sendiri, Fr Gregory berkongsi contoh-contoh kehidupan sebenar orang yang mencari bantuan dan bagaimana campur tangan membawa penyembuhan.

Beliau menekankan keperluan ibu bapa dan penjaga untuk peka dan berani — untuk mendengar, bertindak, dan tidak berdiam diri kerana takut akan stigma sosial atau pihak berkuasa.

Paderi itu mengingatkan, "Ramai yang menganggap Gereja kita

adalah tempat selamat tetapi realitinya bahaya boleh berlaku di mana-mana."

Satu perbincangan kumpulan interaktif diadakan, menggunakan kajian kes sebenar yang melibatkan komuniti Orang Pekak, migran, individu dengan keperluan khas dan kumpulan terpinggir lain dalam keuskupan agung.

Peserta diberikan soalan-soalan khusus dan ditugaskan untuk mencadangkan penyelesaian. Perbualan tersebut meriah, penuh pemikiran dan membina, menawarkan pandangan praktikal tentang cara untuk melindungi golongan yang lemah dengan lebih baik di tengah kita.

